

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri Kedah dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 21 daripada 22 penyata kewangan agensi Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikemukakan untuk diaudit. Satu penyata kewangan BBN belum diterima.
- Daripada 21 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, sebanyak tiga BBN dan 10 PBT telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2022. Manakala tiga BBN dan satu PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2022. Tiga BBN serta MAI pula telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2022.
- Satu BBN Kedah belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Permohonan pelanjutan penyerahan penyata kewangan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri sehingga 31 Ogos 2022.

- Setakat 31 Ogos 2022, 13 daripada 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang telah diterima masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

Apa Yang Disyorkan Audit

- Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap, *auditable* dan tepat pada masa mengikut tempoh yang ditetapkan.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

Bilangan Agensi Negeri		22 Akaun Agensi	
10	Badan Berkanun Negeri	8	Telah Disahkan
11	Pihak Berkuasa Tempatan	13	Belum Disahkan
1	Majlis Agama Islam	1	Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam. Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan terhadap 22 penyata kewangan Agensi Negeri Kedah bagi tahun kewangan 2021. Daripada jumlah tersebut, 10 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, 11 penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan satu penyata kewangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 (pindaan 2015).

2.2. Pengauditan terhadap penyata kewangan bagi lima BBN, satu PBT dan satu MAI dilaksanakan secara terus oleh Jabatan Audit Negara manakala baki 15 penyata kewangan agensi yang lain diaudit oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti dan mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 21 daripada 22 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diterima. Tiga BBN dan 10 PBT telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2022, tiga BBN dan satu PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2022 dan tiga BBN serta MAI telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2022.

3.2. Satu BBN iaitu Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Pelanjutan tempoh penyerahan penyata kewangan YINK telah diluluskan sehingga 31 Ogos 2022. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	06.04.2022
2.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	21.04.2022
3.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	27.04.2022
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	05.05.2022
5.	Majlis Sukan Negeri Kedah	26.05.2022
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	30.06.2022
7.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	28.07.2022
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	29.08.2022
9.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	30.08.2022
10.	Yayasan Islam Negeri Kedah	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	21.07.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kulim	27.04.2022
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	27.04.2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
3.	Majlis Daerah Sik	27.04.2022
4.	Majlis Daerah Yan	28.04.2022
5.	Majlis Bandaraya Alor Setar	28.04.2022
6.	Majlis Perbandaran Langkawi	28.04.2022
7.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	28.04.2022
8.	Majlis Daerah Baling	28.04.2022
9.	Majlis Daerah Padang Terap	28.04.2022
10.	Majlis Daerah Pendang	28.04.2022
11.	Majlis Daerah Bandar Baharu	04.05.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh Agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan piawaian perakaunan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) dan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PIBZW) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.3. Bagi tahun 2021, kesemua 22 Agensi Negeri Kedah menggunakan piawaian perakaunan MPSAS. Bagi Majlis Agama Islam Negeri Kedah, penyediaan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 masih mengguna pakai dasar pengukuran dan pengiktirafan MPSAS. Bagaimanapun, pembentangan dan persembahan penyata kewangan adalah berdasarkan PPIBZW. PPIBZW berkenaan Pembentangan Penyata Kewangan telah dikeluarkan oleh JANM pada 23 Februari 2021 dan tarikh pemakaian awal adalah bermula 1 Januari 2021.

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter – EOM)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Perkara Utama Audit (Key Audit Matters – KAM)

Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus (those charged with governance). KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Ketua Audit Negara.

5.1.3. Perenggan Hal-Hal Lain (Other Matters – OM)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi

dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, lapan daripada 21 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 yang diterima telah disahkan dan diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Lapan penyata kewangan tersebut melibatkan dua penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Sebanyak 13 lagi penyata kewangan masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis sijil yang diberikan bagi tahun 2018 sehingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN SIJIL AUDIT BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2018 SEHINGGA 2021

BIL	JENIS SIJIL AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	21	12	17	8
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Emphasis of Matters (EOM)	-	1	2	-
3.	Pendapat Berteguran	2	9	4	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	1	-	-
5.	Penafian	-	-	-	-
JUMLAH		23	23	23	8 *

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 – 2021

Nota: (*) - Tahun kewangan 2021 – penyata kewangan yang telah disahkan sehingga 31 Ogos 2022

5.4. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020

5.4.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Negeri yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 tidak melaporkan penyata kewangan agensi yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara sehingga 31 Ogos 2021, kerana kesemua 23 penyata kewangan agensi belum selesai diaudit setakat tarikh tersebut.

5.4.2. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua 23 penyata akaun agensi tersebut telah disahkan. Satu BBN iaitu Lembaga Biasiswa Negeri Kedah telah diwartakan untuk dibubarkan pada 5 November 2020 dan penyerahan penyata kewangan terakhir kepada Jabatan Audit Negara adalah sehingga 23 Oktober 2020. Status Sijil Ketua Audit Negara adalah 17 penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa

Teguran, dua penyata kewangan diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (EOM) dan empat penyata kewangan diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Berteguran. Butiran lanjut mengenai Sijil Audit yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (EOM) seperti dalam **Jadual 3** manakala Sijil Audit dengan Pendapat Berteguran seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 3
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN SIJIL AUDIT DENGAN PENDAPAT
TANPA TEGURAN DENGAN PENEGASAN PERKARA (EOM)
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PERENGKAN PENEGASAN PERKARA (EOM)		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Merujuk kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan Nota 15 yang berkaitan, Tanggungan Belum Selesai adalah berjumlah RM16.70 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM2.13 juta merupakan hutang yang telah diselesaikan pada tahun 2020. Bagaimanapun, Lembaga Zakat Negeri Kedah telah merekodkan pembayaran tersebut sebagai perbelanjaan Asnaf Miskin. Oleh itu, Liabiliti Semasa dan perbelanjaan Asnaf Miskin pada tahun 2020 telah terlebih nyata sejumlah RM2.13 juta.
2.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	a. Penghapusan (elimination) transaksi antara Ladang-ladang Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK); dan antara PKNK dengan Kumpulan Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. (Syarikat Subsidiari) di Penyata Kedudukan Kewangan. Merujuk Nota 7 dan Nota 8 kepada Penyata Kewangan, baki Urus Niaga Pertukaran Belum Terima pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM63.49 juta (2019: RM112.75 juta), manakala baki Pelbagai Penghutang, Deposit dan Pendahuluan adalah berjumlah RM131.12 juta (2019: RM126.82 juta). Selain itu, merujuk Nota 25 kepada Penyata Kewangan, baki Pelbagai Pemiutang dan Akruan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM43.71 juta (2019: RM22.33 juta). Daripada jumlah tersebut, PKNK tidak membuat penghapusan transaksi antara ladang-ladang di bawah PKNK untuk tujuan penggabungan penyata kewangan. Tindakan penghapusan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana baki akaun yang tidak selaras dan perbezaan baki antara ladang-ladang PKNK adalah sejumlah RM2.08 juta. PKNK juga tidak menghapuskan transaksi antara PKNK dengan syarikat subsidiari, iaitu Kumpulan Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. untuk tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Perkara ini menyebabkan berlakunya perbezaan baki antara kedua-dua entiti sejumlah RM1.98 juta. b. Pemakaian Piawaian Perakaunan Kumpulan yang Tidak Seragam Merujuk Nota 2.1 dan Nota 14 kepada Penyata Kewangan, penyediaan Penyata Kewangan PKNK adalah berasaskan rangka kerja Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Bagaimanapun, kesemua penyata kewangan syarikat subsidiari PKNK

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PERENGGAN PENEGASAN PERKARA (EOM)		
		mengguna pakai rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), kecuali bagi syarikat subsidiari Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. yang menggunakan pakai Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Pemakaian piawaian perakaunan PKNK dan Kumpulan yang tidak seragam menyebabkan perbezaan kaedah pengiktirafan, pengukuran dan pembentangan bagi ketiga-tiga rangka kerja perakaunan. Tiada penyesuaian dan pelarasan dibuat terhadap perbezaan yang wujud. Perkara ini adalah tidak selaras dengan ketetapan perenggan 38 dalam MPSAS 35 yang menghendaki entiti yang mengawal perlu menyediakan penyata kewangan disatukan dengan menggunakan polisi perakaunan yang seragam.

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN SIJIL BERTEGURAN
BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	a. Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) merupakan pemegang amanah ke atas hasil-hasil daripada wakaf am/khas. Semua hasil pendapatan daripada wakaf am/khas akan direkodkan di Kumpulan Wang Wakaf Am dan Wakaf Khas mengikut asas tunai, iaitu apabila tunai diterima. Merujuk Nota 25 kepada Penyata Kewangan, Hasil Urus Niaga Pertukaran, Hasil Sewaan dan Pajakan yang diterima pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM1.42 juta (2019: RM1.47 juta), manakala Hasil Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan yang diterima adalah berjumlah RM1.48 juta (2019: RM1.35 juta). Termasuk dalam kedua-dua amaun tersebut adalah hasil wakaf am/khas dengan nilai keseluruhan masing-masing berjumlah RM0.70 juta dan RM176,692. Akaun hasil wakaf am/khas berkaitan sepatutnya direkodkan sebagai liabiliti kerana hasil-hasil tersebut bukan sebahagian daripada operasi MAIK. Ini menyebabkan Lebih Bersih bagi tahun semasa terlebih dinyatakan sejumlah RM0.88 juta dan baki Liabiliti Semasa terkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama. b. Merujuk Nota 21 kepada Penyata Kewangan, baki Kumpulan Wang Amanah pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM17.13 juta (2019: RM15.94 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah baki Wakaf Khas sejumlah RM16.85 juta (2019: RM15.70 juta). Merujuk Nota 40.3 kepada Penyata Kewangan, MAIK telah menandatangani perjanjian usaha sama projek pembangunan tanah wakaf khas antara MAIK dengan UDA WAQF Sdn. Bhd. di Daerah Kota Setar.

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
		Sebagai balasan ke atas usaha sama tersebut, MAIK akan diserahkan tujuh unit kedai pejabat dua tingkat dan dibayar wang sejumlah RM12 juta. Wang tersebut juga akan dibayar mengikut lima peringkat pembayaran bermula pada tahun 2016 hingga 2021. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, MAIK telah merekodkan terimaan terakru sejumlah RM3 juta yang sepatutnya dibayar oleh UDA WAQF Sdn. Bhd. kepada MAIK di Kumpulan Wang Wakaf Khas. Ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Amanah terlebih dinyatakan sejumlah RM3 juta dan Liabiliti Semasa berkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama. c. Merujuk Nota 2.3.3 kepada Penyata Kewangan, MAIK mengenakan caj perkhidmatan sebanyak 15% setahun untuk setiap pendapatan Wakaf Khas seperti mana peruntukan di bawah seksyen 55(3) dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008. MAIK telah mengenakan caj perkhidmatan berkaitan terhadap terimaan terakru bagi projek usaha sama pembangunan tanah wakaf khas antara MAIK dengan UDA WAQF Sdn. Bhd. berjumlah RM450,000. Perkara ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Amanah, Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan, Lain-Lain Belum Bayar serta Hasil Urus Niaga Pertukaran telah terlebih dinyatakan sejumlah RM450,000. d. Merujuk Nota 12 kepada Penyata Kewangan, baki Tanah Hak Milik Kekal Bangunan Perniagaan MAIK pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM2.99 juta (2019: RM1.74 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah tanah hak milik kekal berjumlah RM750,000 yang telah dipajak kepada Petronas Dagangan Berhad (PDB) bagi tempoh 30 tahun mulai 10 September 2015. MAIK telah membuat penilaian semula tanah tersebut pada tahun 2016 dan jumlah nilaian adalah RM750,000. Tanah tersebut mulai direkodkan dalam penyata kewangan MAIK pada tahun 2019. Bagaimanapun, MAIK telah tersilap merekodkan tanah tersebut sebagai tambahan tahun semasa Tanah Pajakan dan dikreditkan ke Rezab Modal berdasarkan perjanjian, iaitu RM900,000. Pelarasan amaun Tanah Pajakan ke Tanah Hak Milik Kekal Bangunan Perniagaan telah dibuat oleh MAIK dalam Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Bagaimanapun, pelarasan amaun Rezab Modal ke Lebihan Berkumpul tidak diambil tindakan oleh MAIK menyebabkan baki Rezab Modal telah terlebih dinyatakan sejumlah RM750,000.
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	a. Kos Tanah Terlebih Nyata Sejumlah RM4.91 Juta. Merujuk Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan Nota 8 berkaitan menunjukkan nilai bawaan Tanah adalah berjumlah RM64.46 juta (2019 : RM37.08 juta). Majlis telah merekodkan nilaian Tanah dan Bangunan berjumlah RM38.41 juta sebagai pelarasan kos Tanah secara retrospektif.

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
		Termasuk dalam amaun tersebut adalah penilaian bagi sembilan buah bangunan dengan harga nilai RM4.91 juta. Bangunan tersebut telah direkodkan pada harga kos dalam kelas Bangunan di Penyata Kewangan tahun-tahun terdahulu. Ini menyebabkan kos Tanah terlebih nyata sejumlah RM4.91 juta. b. Tanah Pajakan Terlebih Nyata Sejumlah RM2.61 juta Merujuk Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan Nota 8 berkaitan, nilai bawaan Tanah adalah berjumlah RM64.46 juta (2019 RM37.08 juta). Termasuk dalam jumlah ini adalah Tanah Pajakan berjumlah RM38.52 juta. Majlis tidak membuat pengiraan pelunasan semasa dan pelunasan terkumpul bagi tujuh buah tanah pajakan yang diberi milikan antara tahun 1993 hingga 2016, selaras dengan MPSAS 17 perenggan 66 yang menyatakan amaun boleh susut nilai bagi aset hendaklah diperuntukkan secara sistematik sepanjang usia gunanya. Manakala Dasar Perakaunan Majlis, Nota 2.4 Susut Nilai Hartanah Loji dan Peralatan menetapkan tanah pajakan akan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Pelunasan terkumpul yang perlu dibuat pelarasan secara retrospektif adalah sejumlah RM2.28 juta dan pelunasan tahun semasa pula adalah sebanyak RM329,919. Oleh itu, aset tanah Majlis terlebih nyata sejumlah RM2.61 juta manakala belanja tahun semasa berkurangan nyata sejumlah RM329,919. c. Hasil Urusniaga Pertukaran Terlebih Nyata Sejumlah RM0.57 Juta Merujuk Penyata Prestasi Kewangan dan Nota 16 berkaitan Hasil Urusniaga Pertukaran berjumlah RM12.43 juta (2019: RM15.81 juta). Termasuk dalam Akaun Hasil Urusniaga Pertukaran adalah transaksi terimaan berjumlah RM0.57 juta berkaitan balasan bagi pengambilalihan 16 buah aset kenderaan milik Majlis oleh Environment Idaman Sdn. Bhd. berdasarkan perjanjian pengurusan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang ditandatangani pada 1 November 2009. Kenderaan dan Peruntukan Susut Nilai telah dikeluarkan daripada Penyata Kewangan pada tahun-tahun sebelumnya. Menurut perenggan 47, MPSAS 3 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, tertakluk kepada perenggan 48, sesebuah entiti hendaklah membetulkan kesilapan material tempoh terdahulu secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan tersebut. Oleh itu, terimaan tersebut sepatutnya direkodkan secara retrospektif ke dalam Kumpulan Wang Majlis sebagai pelarasan tahun lalu. Hal ini menyebabkan Akaun Hasil Urusniaga Pertukaran terlebih nyata sejumlah RM0.57 juta pada 31 Disember 2020.

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
3.	Majlis Daerah Bandar Baharu	a. Pengiktirafan Aset Infrastruktur Tidak Diakaunkan Dengan Tepat Merujuk kepada Nota 11 Penyata Kewangan, Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran berjumlah RM17.36 juta (2019: RM13.33 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Hasil Pindahan Aset Infrastruktur daripada Pemaju berjumlah RM6.90 juta yang merupakan aset infrastruktur bagi pondok bas dan parit/longkang tahun terdahulu. Selain itu, merujuk Nota 7 Penyata Kewangan, Belanja Susut Nilai berjumlah RM2.22 juta (2019: RM2.06 juta). Termasuk dalam amaun tersebut merupakan Belanja Susut Nilai Aset Infrastruktur tahun-tahun terdahulu yang perlu dibuat pelarasan secara retrospektif pada tarikh peralihan berjumlah RM137,560.22. Berdasarkan MPSAS 33, aset atau liabiliti yang diiktiraf hendaklah dilaraskan dengan lebihan atau kekurangan terkumpul pada tarikh pemakaian. Justeru itu, belanja susut nilai aset tahun terdahulu juga perlu dibuat pelarasan secara retrospektif. Bagaimanapun, perekodan yang dilakukan oleh Majlis Daerah Bandar Baharu tidak selaras dengan ketetapan MPSAS 33. Oleh itu, Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran terlebih nyata sejumlah RM6.90 juta dan Belanja Susut Nilai terlebih nyata sejumlah RM137,560.22. b. Ketinggalan Perekodan Aset Infrastruktur Merujuk kepada Nota 7 Penyata Kewangan, nilai buku bersih Hartanah Loji dan Peralatan Majlis Daerah Bandar Baharu berjumlah RM96.36 juta (2019: RM85.07 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Aset Infrastruktur berjumlah RM83.58 juta. Bagaimanapun, Majlis Daerah Bandar Baharu tidak merekodkan kos bagi keseluruhan jalan kampung sepanjang 5.838 kilometer berjumlah RM5.03 juta dalam Aset Infrastruktur bagi tahun 2020. Ini tidak selaras dengan MPSAS 17 perenggan 14 yang menyatakan kos item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam entiti dan kos atau nilai saksama item tersebut boleh diukur dengan munasabah. Oleh itu, Aset Infrastruktur terkurang nyata sejumlah RM5.03 juta, Kumpulan Wang Majlis terkurang nyata sejumlah RM4.24 juta dan Belanja Susut Nilai tahun semasa terkurang nyata sejumlah RM98,665. c. Urusniaga Pertukaran — Pendapatan Perjanjian Usahasama Merujuk kepada Nota 12 Penyata Kewangan, Urusniaga Pertukaran bagi Bayaran Perkhidmatan berjumlah RM765,034 (2019: RM226,836). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Pendapatan Projek Usahasama berjumlah RM593,610 merupakan terimaan daripada projek usahasama dengan Kedah Holdings Sdn. Bhd. bagi pembangunan bercampur unit kedai pejabat dan rumah di Bandar Serdang yang dimeterai pada 10 Disember 2018. Jumlah tersebut

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
		yang diterima pada tahun 2020 merupakan sebahagian daripada jumlah besar yang akan diterima ketika projek tersebut siap berjumlah RM1.19 juta. Majlis Daerah Bandar Baharu tidak sepatutnya merekodkan terimaan ini sebagai Pendapatan memandangkan projek ini masih belum selesai sepenuhnya. Oleh itu, Hasil Urusniaga Pertukaran terlebih nyata sejumlah RM593,610 dan Liabiliti Semasa berkurang nyata sejumlah RM593,610.
4.	Majlis Sukan Negeri Kedah	a. Wang Tunai di Tangan dan di Bank Merujuk Nota 5 kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Wang Tunai di Tangan dan di Bank pada 31 Disember 2020 berjumlah RM1.51 juta (2019: RM0.49 juta). Majlis Sukan Negeri Kedah telah menerima Geran daripada Majlis Sukan Negara bertujuan membiayai program Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri. Terimaan telah diakaunkan dalam akaun CIMB 3 atas nama Majlis Sukan Negeri Kedah. Berdasarkan penyata bank, baki tunai di bank pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM304,815. Baki ini tidak diakaunkan dalam Wang Tunai di Tangan dan di Bank, di Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Kedah. Selain itu, terimaan Geran daripada Majlis Sukan Negara juga tidak diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan pelunasan geran diiktiraf sebagai Hasil selaras dengan Piawaian Perakaunan MPSAS 23 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran. Perenggan 44 MPSAS 23 menetapkan bahawa Geran Kerajaan diiktiraf sebagai Liabiliti selagi mana syarat kepada Geran belum dipenuhi. Manakala perenggan 45, MPSAS 23 pula menyatakan apabila entiti mengurangkan amaun bawaan Liabiliti, Hasil perlu diiktiraf dengan jumlah yang sama dengan pengurangan tersebut. Ketinggalan ini menyebabkan Wang Tunai di Tangan dan di Bank (Aset Semasa) dan Geran Tertunda (Liabiliti Bukan Semasa) berkurang nyata sejumlah RM304,815. Jumlah terimaan dan perbelanjaan dalam tahun semasa bagi Geran ini juga tidak dapat ditentukan kerana Buku Tunai tidak disediakan sejak bulan Julai 2020 dan penyata bank bulanan juga tidak dikemukakan dengan lengkap untuk diaudit. b. Hartanah, Loji dan Peralatan Merujuk kepada Nota 7 nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM2.68 juta (2019: RM2.57 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah tanah pajakan berjumlah RM364,000 dan bangunan berjumlah RM336,000. Berdasarkan Nota 3, kadar susut nilai yang digunakan adalah berdasarkan tempoh pajakan bagi tanah pajakan dan 2% bagi bangunan. Terdapat kesilapan pengiraan susut nilai terkumpul bagi tanah pajakan berjumlah RM98,245 dan kesilapan pengiraan susut nilai terkumpul bagi Bangunan sejumlah RM194,879. Ini menyebabkan Susut Nilai Terkumpul berkurang nyata sejumlah RM293,124 dan Hartanah, Loji dan Peralatan terlebih nyata dengan amaun yang sama.

BIL.	AGENSI	ASAS PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT BERTEGURAN		
		c. Akaun Belum Bayar Merujuk kepada Nota 9 Urusniaga Pertukaran Belum Bayar pada 31 Disember 2020 berjumlah RM0.77 juta (2019: RM0.53 juta). Termasuk dalam amaun tersebut adalah Akaun Belum Terima berjumlah RM261,361 yang tidak dapat disahkan kerana tiada senarai terperinci dan tiada lejar individu disediakan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980, enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN).

6.2. Sehingga 31 Ogos 2022, sebanyak 18 daripada 23 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah, manakala tiga penyata kewangan BBN dan MAI belum dibentangkan. Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah tetapi hanya disiarkan dalam warta mengikut perenggan 35(2) Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman 2015. Status pembentangan penyata kewangan agensi negeri setakat 31 Ogos 2022 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATUS PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DUN
PENYATA KEWANGAN 2020		
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Tidak Perlu Dibentangkan
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	21.03.2022
3.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	21.03.2022
4.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	21.03.2022
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	21.03.2022
6.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	21.03.2022
7.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	18.07.2022
8.	Majlis Sukan Negeri Kedah	18.07.2022
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	Belum Dibentangkan
10.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Belum Dibentangkan
11.	Yayasan Islam Negeri Kedah	Belum Dibentangkan

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DUN
PENYATA KEWANGAN 2020		
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	Belum Dibentangkan
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Alor Setar	18.07.2022
2.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	18.07.2022
3.	Majlis Perbandaran Langkawi	18.07.2022
4.	Majlis Perbandaran Kulim	18.07.2022
5.	Majlis Perbandaran Kubang Pasu	18.07.2022
6.	Majlis Daerah Yan	18.07.2022
7.	Majlis Daerah Pendang	18.07.2022
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	18.07.2022
9.	Majlis Daerah Sik	18.07.2022
10.	Majlis Daerah Padang Terap	18.07.2022
11.	Majlis Daerah Baling	18.07.2022

Sumber: Dewan Undangan Negeri Kedah

6.3. Selain itu, terdapat juga penyata kewangan tahun 2019 yang belum dibentangkan di DUN melibatkan dua BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Lembaga Muzium Negeri Kedah.

7. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2022, 13 daripada 21 penyata kewangan agensi yang telah diterima untuk diaudit masih belum disahkan manakala satu agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 iaitu Yayasan Islam Negeri Kedah.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap, *auditable* dan tepat pada masa mengikut tempoh yang ditetapkan.